

# Tiada kompromi isu harga air mentah

UM 22 JAN 2002

Oleh ABDUL HAMID MOHAMMAD dan ISMAIL DAUD

**P**ETALING JAYA 21 Jan. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia tidak akan berkompromi dengan Singapura berhubung isu harga baru air mentah walaupun ia menjadi punca kegagalan rundingan isu-isu tertangguh kedua negara.

Menurut Perdana Menteri, harga air yang ditawarkan kepada Singapura itu rendah dan berpatutan tetapi republik itu tidak setuju dengan cadangan tersebut.

Bagaimanapun beliau berkata, Malaysia sedia bertolak ansur dengan Singapura dalam menyelesaikan isu itu asalkan tidak merugikan negara.

Dr. Mahathir menegaskan demikian kepada pemberita selepas merasmikan Pusat Komuniti dan Kelas Tuisyen Puteri UMNO di Taman Seri Manja di sini hari ini.

Beliau ditanya hasil rundingan peringkat pegawai antara Malaysia dan Singapura berhubung isu-isu tertangguh kedua-dua negara yang sehingga ini tidak menampakkan sebarang kemajuan.

Perdana Menteri berkata, kegagalan rundingan itu hanya disebabkan sikap Singapura yang enggan membincangkan isu lain selagi isu harga air mentah yang dijual kepada negara itu tidak diselesaikan.

“Saya percaya kepada tolak ansur tetapi mereka patut beri sedikit dan kita patut terima sedikit. (Setakat ini) Saya belum mencapai apa-apa persetujuan,” kata beliau.

Dr. Mahathir berkata, harga baru itu adalah wajar kerana Malaysia telah menjual air mentah pada harga tiga sen setiap 1,000 gelen (satu gelen bersamaan 4.5 liter), sejak tahun 1962.

Pada masa yang sama, katanya, Malaysia membeli semula air bersih yang diproses oleh Singapura pada harga 50 sen setiap 1,000 gelen.

Perdana Menteri berkata, selain menjual pada harga yang tinggi kepada Malaysia, Singapura juga menjual air bersih kepada kapal-kapal pada harga 20 dolar Singapura untuk setiap 1,000 gelen.

“Apa yang berlaku ialah dia (Singapura) jual air bersih kepada kita dan duit itu mereka gunakan untuk membayar harga air mentah kita.

“Secara tidak langsung, mereka mendapat air mentah secara percuma,” jelas Dr. Mahathir.

Walaupun isu tertangguh itu menghadapi masalah, Dr. Mahathir percaya, rundingan itu maelih belum menemui jalan buntu.

“Ia harus diteruskan. Kita harus selesaikan masalah ini tetapi saya perlu bersetuju dengan syarat-syarat tertentu supaya kita tidak kerugian.

“Lebih lama perjanjian ditangguhkan lebih banyak wang kita hilang. Kita nak selesaikan perkara ini secepat mungkin,” katanya.

Mengenai kemungkinan mengadakan semula pertemuan dengan Lee Kuan Yew berikutan kegagalan rundingan peringkat pegawai, Perdana Menteri berkata, pertemuan kedua tidak perlu.

“Tidak. Tidak. Peringkat tersebut telah berakhir. Sekarang ialah tugas pegawai,” tegasnya.

Isu-isu tertangguh itu ialah penjualan air oleh Malaysia kepada Singapura, nertikaian menegeai pembangunan tanah milik KTM Bhd. dan status pusat Kastam, Imigresen dan Kuarantin di Stesen KTM di Tanjung Pagar, Singapura.

Turut dibincangkan pe-

nggunaan ruang udara Malaysia oleh Tentera Udara Singapura dan pengeluaran wang caruman dari Kumpulan Wang Simpanan Pusat Singapura oleh pekerja dari Semenanjung Malaysia.

Rundingan itu diadakan berikutan persetujuan yang dicapai untuk menyelesaikan isu tertangguh itu secara pakej antara Dr. Mahathir dengan Menteri Kanan Singapura, Kuan Yew, September lalu.

Mengikut persetujuan asas yang dicapai oleh kedua-dua pemimpin itu, Singapura akan mendapat 350 juta gelen air sehari dari Malaysia selepas 2061.

Selepas 2061, Malaysia akan menjual 100 juta gelen air mentah sehari dan 250 juta gelen air yang ditapis sehari yang akan diproses secara usaha sama.

Singapura menawarkan untuk membayar 45 sen bagi setiap 1,000 gelen air mentah dari Malaysia sehingga 2061, berbanding dengan harga sekarang sebanyak 3 sen.

Selepas 2061, Singapura akan membayar 60 sen bagi setiap 1,000 gelen, dan kadar itu akan dikaji semula setiap lima tahun.